



## UNTUK SIARAN SEGERA

### AHB KEKAL STABIL DENGAN AGIHAN PENDAPATAN 5.00 SEN SEUNIT BAGI TAHUN KEWANGAN 2025

**SHAH ALAM, 9 Oktober 2025** – Pelaburan Hartanah Berhad (PHB), bersama pengurus dana PHB Asset Management Berhad (PHBAM), hari ini mengumumkan agihan pendapatan akhir sebanyak **2.10 sen seunit** bagi dana patuh syariah Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) untuk tempoh enam bulan berakhir 30 September 2025.

Selain itu, penaja dana, PHB turut mengisytiharkan **agihan bonus 0.40 sen seunit**, menjadikan jumlah keseluruhan agihan pendapatan akhir sebanyak **2.50 sen seunit**. Agihan bonus ini terhad kepada **1 juta unit pertama bagi setiap pemegang unit**.

Dengan mengambil kira agihan pendapatan interim sebanyak **2.50 sen seunit** yang diumumkan pada April lalu, jumlah keseluruhan agihan pendapatan AHB bagi tahun kewangan 2025 adalah **5.00 sen seunit**.

Bagi enam bulan berakhir 30 September 2025, sebanyak **RM118.7 juta** diagihkan, menjadikan jumlah keseluruhan bayaran agihan tahun ini sebanyak **RM235 juta** yang memberi manfaat kepada lebih **82,000 pemegang unit**. Agihan pendapatan ini **dikecualikan cukai dan telah dizakatkan**, sekali gus membolehkan pemegang unit menerima agihan bersih tanpa perlu menolak zakat atau kewajipan lain.

Pengarah Urusan Kumpulan/ Ketua Pegawai Eksekutif PHB, Mohamad Damshal Awang Damit berkata, “Sebagai penaja AHB, PHB mengekalkan portfolio hartanah yang kukuh dan seimbang untuk memberi pulangan mampan serta mengurus risiko pasaran hartanah selaras dengan penetapan aset strategik kami. Dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang, kami mensasarkan dedahan meluas di sektor berpotensi tinggi termasuk Kedah, Johor, Terengganu, Sabah dan Sarawak menerusi pendekatan pengurusan portfolio berdisiplin.

“Strategi kami memberi tumpuan kepada pemerolehan aset berkualiti di lokasi strategik serta penambahbaikan hartanah sedia ada dengan mengutamakan aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG). Langkah ini membolehkan AHB terus memberi pulangan stabil dan konsisten kepada pemegang unit, melebihi penanda arasnya.”

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PHBAM, Zulkifli Ishak berkata, “Kami komited meningkatkan pengalaman pemegang unit dan memperluas capaian kepada AHB. Pada Jun lalu, kami melancarkan MyAHB Portal, membuka 300 juta unit AHB serta melantik Bank Kerjasama Rakyat Malaysia sebagai pengedar sah baharu. Usaha ini berjaya memperluas akses pelaburan dan menyumbang kepada peningkatan 15 peratus pemegang unit baharu menjelang akhir tahun.”

Agihan pendapatan akan dibayar secara tunai atau dalam bentuk unit AHB (bagi pemegang unit yang memiliki kurang daripada 10,000 unit) dan dikreditkan terus ke akaun bank berdaftar atau akaun AHB masing-masing pada 14 Oktober 2025.

Pelabur Bumiputera yang berminat melanggan AHB boleh berbuat demikian pada harga tetap RM1.00 seunit dengan pelaburan minimum RM100 dan maksimum RM1 juta. Langganan boleh dibuat melalui pengedar sah iaitu PHBAM di [www.myahb.my](http://www.myahb.my), Malayan Banking Berhad (Maybank), AmBank Berhad, AmBank Islamic Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad serta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. Sejak diperkenalkan pada 2010, AHB telah mengagihkan pendapatan kumulatif berjumlah RM2.43 bilion kepada pemegang unit Bumiputera.

###

**Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:**

**Pelaburan Hartanah Berhad**

Amalia Hasannudin

Komunikasi Korporat

Tel: +603- 77113185 / 017-3096519

Emell: [amalia@phb.com.my](mailto:amalia@phb.com.my)

**MENGENAI AMANAH HARTANAH BERHAD (AHB)**

AHB ialah dana unit amanah patuh Syariah yang melabur terutamanya dalam pemunyaan benefisial hartanah komersial di lokasi utama di Malaysia. AHB boleh dilanggan oleh pelabur Bumiputera pada harga RM1.00 seunit di semua cawangan pengedar yang sah di seluruh Malaysia. Dana ini disokong oleh hartanah-hartanah komersial utama yang telah disewakan dan menikmati aliran pendapatan sewaan secara tetap. AHB diwujudkan untuk memberikan peluang kepada pelabur Bumiputera menyertai pemilikan hartanah komersial utama melalui pegangan unit dalam AHB sebagai Pemegang Unit.

### **MENGENAI PHB ASSET MANAGEMENT BERHAD**

PHB Asset Management Berhad (PHBAM), sebuah anak Syarikat milik penuh Pelaburan Hartanah Berhad (PHB), berfungsi sebagai syarikat produk pelaburan inovatif dan penyelesaian kewangan. PHBAM telah menerima Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (Capital Market Services License) daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 22 April 2024, untuk pengurusan dana dan urus niaga dalam sekuriti bagi unit amanah. Layari [www.phbam.com.my](http://www.phbam.com.my) untuk maklumat lanjut.

### **MENGENAI PELABURAN HARTANAH BERHAD**

Ditubuhkan pada Mei 2006, Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) ialah sebuah syarikat pegangan pelaburan hartanah dan juga anak syarikat kepada Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera (YAHB). PHB ditubuhkan berdasarkan prinsip-prinsip asas berikut; mempertingkatkan nilai pemegang saham dan pelabur, melaksanakan pentadbiran korporat yang telus, menggalakkan inovasi dan pertumbuhan, memupuk bakat dan menghargai prestasi. Sasaran PHB adalah untuk membolehkan pertumbuhan jangka panjang melalui penyertaan dalam pemilikan pelaburan hartanah di kawasan komersial utama, untuk maklumat lanjut, sila layari [www.phb.com.my](http://www.phb.com.my)